0671

U 8944 DEB

MAHATHIR - BANJIR

ALOR SETAR, 27 NOV (BERNAMA) -- KERAJAAN PERSEKUTUAN MELULUSKAN $200,000 SEBAGAI BANTUAN KECEMASAN UNTUK MANGSA-MANGSA BANJIR DI KEDAH.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YANG MENGUMUMKAN PEMBERIAN BANTUAN ITU DI SINI HARI INI, BERKATA IA MERUPAKAN BANTUAN KECEMASAN UNTUK KEPERLUAN MAKANAN DAN SERBA-SEDIKIT KEPERLUAN LAIN BAGI MANGSA BANJIR.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA DI RUMAH PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU SELEPAS MELAWAT KAWASAN-KAWASAN YANG DILANDA BANJIR DI DAERAH ITU, BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MEMUTUSKAN UNTUK MEMPERUNTUKKAN SEJUMLAH YANG SAMA DENGAN YANG DILULUSKAN KEPADA KELANTAN.

PEMBERIAN BANTUAN KEPADA KELANTAN DIUMUMKAN OLEH BELIAU SEMASA MELAWAT KAWASAN-KAWASAN BANJIR DI NEGERI ITU BARU-BARU INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KEDAH JUGA AKAN DIPERUNTUKKAN $13,000 LAGI DARIPADA SEJUMLAH $100,000 YANG DISUMBANGKAN OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG KEPADA TABUNG BANTUAN BENCANA ALAM NEGARA BARU-BARU INI. -- LAGI.

1849MST 27 11 88

0682

U 8950 DEB

MAHATHIR - BANJIR 2 ALOR SETAR

DI SAMPING ITU, KATANYA KEDAH JUGA MENERIMA SUMBANGAN BADAN AMAL DAN KEBAJIKAN ISTERI-ISTERI MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI (BAKTI) BERJUMLAH $10,000.

ISTERI PERDANA MENTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH TELAH MENYAMPAIKAN CEK SEJUMLAH ITU KEPADA MENTERI BESAR DATUK SERI OSMAN AROFF DI BILIK GERAKAN BANJIR DAERAH KUBANG PASU PAGI TADI.

MENGENAI BANTUAN LAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MENGKAJI TERLEBIH DAHULU BENTUK BANTUAN YANG AKAN DIBERI KERANA KERUGIAN YANG DIALAMI OLEH RAKYAT DAN NEGARA DIJANGKA BERNILAI BERJUTA-JUTA RINGGIT.

+KEMAMPUAN KERAJAAN UNTUK MEMBERI BANTUAN JUGA BUKANNYA TIDAK TERHAD,+ KATA BELIAU.

KETIKA DITANYA MENGENAI JUMLAH BANTUAN YANG SAMA BANYAK BAGI KEDUA-DUA NEGERI KEDAH DAN KELANTAN WALAUPUN KESUSAHAN DAN KERUGIAN YANG DIALAMI OLEH SALAH SEBUAH NEGERI MUNGKIN LEBIH TERUK DARIPADA YANG SEBUAH LAGI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA:

+APA NAK BUAT, KALAU DAH TAKDIR KENA (BANJIR), KEMALANG...KALAU NAK KIRA SUSAH (AKIBAT BANJIR) SEMUA ORANG SUSAH.+ -- LAGI.

1909MST 27 11 88

0687

U 0957 OE9

MAHATHIR - BANJIR 3 ALOR SETAR

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI, YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI HAJI OSMAN DAN ISTERI MELUANGKAN MASA TIGA JAM MELAWAT KAWASAN-KAWASAN YANG DILANDA BANJIR DALAM DAERAH KUBANG PASU.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI YANG TIBA DENGAN PESAWAT NURI PADA KIRA-KIRA 10 PAGI MENDENGAR TAKLIMAT SELAMA KIRA-KIRA SETENGAH JAM MENGENAI SITUASI BANJIR DI DAERAH ITU, YANG DISAMPAIKAN OLEH PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, HAJI ISMAIL DATUK SHAFIE.

DALAM LAWATAN YANG BERMULA PADA KIRA-KIRA PUKUL 10.30 PAGI HINGGA 1.30 TENGAH HARI ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERAMAH MESRA DAN MENYAMPAIKAN BANTUAN BUNGKUSAN MAKANAN KEPADA MANGSA-MANGSA BANJIR DI PUSAT-PUSAT PEMINDAHAN DI DAERAH ITU BERMULA DENGAN SEKOLAH KEBANGSAAN PENGHULU HAJI DARUS, WANG TEPUS.

BELIAU DAN ISTERI JUGA SEMPAT BERHENTI UNTUK BERAMAH MESRA DENGAN BEBERAPA ORANG PENDUDUK LEMBAH ARANG, WANG TEPUS.

WALAUPUN BANJIR DI KEBANYAKAN TEMPAT DALAM DAERAH ITU TELAH BERANSUR SURUT MANGSA-MANGSA YANG MASIH BERADA DI PUSAT-PUSAT PEMINDAHAN BERKESEMPATAN MENERIMA BUNGKUSAN ITU DARIPADA DATUK SERI MAHATHIR. -- LAGI.

1918MST 27 11 88

0689

U 0959 OE9

MAHATHIR - BANJIR 4 ALOR SETAR

ANTARA PUSAT PEMINDAHAN YANG DILAWATINYA IALAH SEKOLAH KEBANGSAAN TOK JALAI, PEJABAT LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) LUBUK BATU, KAMPUNG PASIR (MUKIM NAGA), SEKOLAH KEBANGSAAN TUNJANG, MASJID KAMPUNG TANJUNG, SEKOLAH KEBANGSAAN BATU 20 DAN SEKOLAH KEBANGSAAN KODIANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MENYAMBUNG LAWATANNYA KE DAERAH KUALA MUDA DENGAN MENAIKI PESAWAT NURI PADA KIRA-KIRA 2 PETANG IAITU SELEPAS JAMUAN MAKAN TENGAH HARI DI RUMAH PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU.

DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, BAGAIMANAPUN, MENERUSKAN ACARA LAWATANNYA KE PERLIS.

DARI ATAS PESAWAT, DATUK SERI DR MAHATHIR SEMPAT MENINJAU KAWASAN YANG DILANDA BANJIR DI DAERAH KOTA SETAR DAN KAWASAN KOTA KUALA MUDA YANG MASIH TERUK DILANDA BANJIR DALAM DAERAH KUALA MUDA.

BELIAU JUGA MENYAMPAIKAN BANTUAN BERUPA BUNGKUSAN PAKAIAN KEPADA WAKIL MANGSA DARI BEBERAPA BUAH KAMPUNG YANG BERADA DI PUSAT PEMINDAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN KOTA KUALA MUDA. -- LAGI.

19??MST 27 11 88

MAHATHIR - BANJIR 5 ALOR SETAR

DATUK SERI HAJI OSMAN TURUT MENGIRINGI PERDANA MENTERI DALAM PESAWAT ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA DIBAWA MENINJAU PARAS AIR DI EMPANGAN MUDA DAN EMPANGAN PEDU DARI UDARA.

SELEPAS MENDARAT DI LAPANGAN TERBANG ALOR SETAR PADA KIRA-KIRA 5 PETANG DATUK SERI DR MAHATHIR MENERUSKAN LAWATAN DENGAN +TROOPER+ KE DAERAH KOTA SETAR BERMULA DENGAN MENINJAU KEADAAN DI KAWASAN KEDIAMANNYA DI TITI GAJAH.

AIR YANG MENAIKI HALAMAN RUMAHNYA SEDALAM KIRA-KIRA 0.2 METER SEMALAM, BAGAIMANAPUN, TELAH KERING KERANA BANJIR DI KAWASAN SEKITAR RUMAHNYA TELAH SURUT.

BELIAU KEMUDIAN MELAWAT MANGSA-MANGSA YANG MASIH DITEMPATKAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN ALOR JANGGUS DAN BEBERAPA PUSAT LAIN DALAM DAERAH ITU.

PERDANA MENTERI TURUT DIIRINGI OLEH ANGGOTA-ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI DAN KETUA-KETUA JABATAN. -- BERNAMA.

1932MST 27 11 88